



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**  
**ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT MALAYSIA**

Kompleks Kementerian Kewangan  
No. 1, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 Putrajaya  
MALAYSIA

Tel : 603-8882 1000  
Faks : 603-8882 1042  
Laman Web : [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)

Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/2 Jld.16(39)

Tarikh : 28 Januari 2019

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Tuan/Puan,

**URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W32 KE GRED W36 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan pemangkuan jawatan Penolong Akauntan Gred W32 ke Gred W36. Syarat-syarat pemangkuan mengikut Skim Perkhidmatan Perakaunan Gred W32 ke Gred W36 adalah seperti berikut :-

- 2.1. Telah berada di gred kenaikan pangkat jawatan Penolong Akauntan Gred W32 sebelum atau pada **1 Julai 2006 hingga 31 Disember 2008** ;
- 2.2 **Tidak Hilang Kekananan** yang boleh menyebabkan tarikh lantikan tetap sebagai Penolong Akauntan Gred W32 berubah ke tarikh 01 Januari 2009 dan seterusnya disebabkan faktor-faktor berikut :
  - i) Pelanjutan tempoh percubaan dengan denda ;
  - ii) Cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji kecuali cuti belajar yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan ;
  - iii) Pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya ; dan
  - iv) Tidak hadir bertugas.
- 2.3 Mencapai markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2016, 2017 dan 2018) **tidak kurang 80%**;

Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/2 Jld.16(39)

- 2.4 Kelulusan Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) – **salinan hendaklah disertakan bersama-sama permohonan;**
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 2.6 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan (sertakan salinan penyata terkini pinjaman pendidikan bagi pegawai yang masih belum melunaskan pinjaman);
- 2.7 Bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib ; dan
- 2.8 **Diperaku oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang dicetak hanya melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM) dan calon-calon yang **bersedia untuk penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negeri sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini.** Untuk membuat permohonan, pemohon perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut :-

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak online melalui ePerkhidmatan Pemangkuan (e-Borang JANM/M1);
- 3.2 Satu (1) salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang dikemaskini;
- 3.3 Salinan Kelulusan Perisytiharan Harta yang terkini (dalam tempoh 5 tahun);
- 3.4 Salinan Kelulusan Tapisan Keutuhan;
- 3.5 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LPP) bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018 ; dan

4. Bagi pegawai **kenaikan pangkat sehingga 30 Jun 2006**, pegawai perlu mengemukakan borang permohonan kenaikan pangkat secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan (TBK2) 13 Tahun memandangkan calon telah genap tempoh 13 tahun perkhidmatan untuk diperakukan kenaikan pangkat.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan adalah dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi tuan/puan ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM **sebelum atau pada 15 MAC 2019** di alamat :-

Ruj. Kami : ANM(T)81/20/10/2 Jld.16(39)

**Pengarah**  
**Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan**  
**Jabatan Akauntan Negara Malaysia**  
**Aras 7, No.1, Kompleks Kementerian Kewangan**  
**Persiaran Perdana, Presint 2**  
**62594 W.P.PUTRAJAYA**  
**(u.p : Urusetia Kenaikan Pangkat)**

6. Diingatkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM), Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan tuan/puan untuk memastikan hanya permohonan daripada pegawai yang memenuhi syarat seperti di Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia. BPSM juga perlu menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini. Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses.

7. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai pegawai berikut :-

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	e-mail Jabatan @anm.gov.my
1.	Encik Mohd Naszeri bin Jaiman	03-88821037	naszeri
2.	Puan Nor Fariza binti Sulaiman	03-88821098	fariza


8. Segala perhatian dan kerjasama tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

**'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(CHE WAN MUHAMMED SALLEH BIN WAN ADNAN)**

Bahagian Pembangunan Perakaunan  
Dan Pengurusan

b.p. Akauntan Negara Malaysia

☎ 03-88821100

Email: [salleh.adnan@anm.gov.my](mailto:salleh.adnan@anm.gov.my)

s.k : ANM

TAN (K)

TAN (O)

P (BPPP)

TP (SKPSM)